



19 November 2020

KENYATAAN MEDIA BERSAMA AHLI-AHLI PAC:

1. Jawatankuasa merujuk kenyataan Yayasan Wilayah Persekutuan (YWP) yang menyatakan YWP sedang mengkaji untuk mengambil tindakan undang-undang terhadap Pengerusi PAC Parlimen berkenaan Laporan PAC Parlimen Berhubung Penjualan Tanah Milik Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) yang dibentangkan di Parlimen pada Rabu lalu.
2. PAC Parlimen sebulat suara menyifatkan kenyataan tersebut sebagai tidak patut sama sekali (uncalled for) dan merupakan suatu percubaan untuk mencabar dan mencabuli keutuhan institusi Parlimen.
3. Segala tuduhan terhadap laporan berkenaan adalah sama sekali tidak berasas dan PAC Parlimen telah menjalankan siasatan terhadap mana-mana isu tanpa prejudis kepada mana-mana pihak.
4. Jawatankuasa ini memberi amaran kepada mana-mana pihak supaya tidak mempertikaikan kerja yang dilakukan PAC Parlimen serta mengugut untuk mengambil tindakan undang-undang kepada Pengerusi atau mana-mana ahli PAC ketika mereka menjalankan tugas mereka sebagai ahli PAC.

5. Sebarang tuduhan atau ugutan kepada PAC atau mana-mana ahli Jawatankuasa ini berhubung isu yang sedang disiasat atau laporan yang dibentangkan juga jelas mencampuri bidang kuasa Parlimen sebagai Cabang Legislatif di bawah Perlembagaan Persekutuan.

6. PAC Parlimen tidak akan tunduk kepada tuduhan atau ugutan mana-mana pihak dalam menjalankan tugas Jawatankuasa ini seperti yang termaktub dalam undang-undang negara.

Sekian, terima kasih.